

**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

Senarai Semak ini hendaklah dimasukkan sebagai muka surat pertama bagi dokumen cadangan tawaran Penyebutharga. Sila tandakan (√) bagi dokumen yang disertakan.

**SEBUTHARGA BIL. 7/2023:**

**PERKHIDMATAN LANGGANAN SYSTEM ENDPPOINT SECURITY SOFTWARE**

| <b>Bil.</b> | <b>A. Perkara / Dokumen Yang <u>WAJIB</u> Disertakan<br/>(Kegagalan syarikat mengemukakan dokumen ini boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan)</b> | <b>Ditanda oleh Syarikat</b> | <b>Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b> |
|-------------|--|------------------------------|--|
| 1.          | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (MOF) dalam Kod Bidang berkaitan (bekalan / perkhidmatan) yang masih sah dan berkuatkuasa        |                              |  |
| 2.          | Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)  |                              |  |
| 3.          | Lampiran Q telah lengkap diisi dan ditandatangani  |                              |  |
| 4.          | Spesifikasi Teknikal (Lampiran A) telah diisi dan ditandatangani   |                              |  |
| 5.          | Spesifikasi Tawaran Harga (Lampiran A1) telah diisi dan ditandatangani   |                              |  |
| 6.          | Borang Maklumat Penyebutharga DAN Keterangan Pengalaman (Lampiran B)   |                              |  |
| 7.          | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 bulan terakhir (Disember 2022 – Februari 2023 atau sekurang-kurangnya November 2022 – Januari 2023)              |                              |  |
| 8.          | Salinan dokumen pendaftaran Cukai Jualan & Perkhidmatan (sekiranya syarikat mengenakan SST)  |                              |  |
| 9.          | Senarai beserta profail (CV/Biodata) Kakitangan untuk Pasukan Projek   |                              |  |

| Bil. | B. Perkara / Dokumen Tambahan Sebagai Sokongan   | Ditanda oleh Syarikat | Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga |
|------|--|-----------------------|---|
| 1.   | Melengkapkan dan menandatangani Borang Integrity Pact (Lampiran C)   |                       |   |
| 2.   | Profil syarikat  |                       |   |
| 3.   | Surat Perwakilan Kuasa (jika berkenaan)  |                       |   |
| 4.   | Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari MOF (bekalan / perkhidmatan); atau Borang 24, SSM (sekiranya Sijil Akuan Bumiputera masih dalam proses MOF) membuktikan milikan Bumiputera |                       |   |
| 5.   | Penyata Kewangan Beraudit 2 tahun terkini atau Penyata Kewangan Pengurusan (bagi milikan tunggal)  |                       |   |
| 6.   | Salinan sijil-sijil berkaitan / surat lantikan / surat penghargaan / surat recommendation pelanggan (jika ada)   |                       |   |

| <b><u>PENGESAHAN PENYEBUTHARGA</u></b>   | <b><u>UNTUK KEGUNAAN SME CORP. MALAYSIA</u></b>   |
|--|---|
| <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> | <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dengan ini mengesahkan menerima dokumen bertanda (√) kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> |
| Tandatangan : .....  | Tandatangan : .....   |
| Nama : .....   | Nama : .....  |
| Jawatan : .....  | Jawatan : .....   |
| Tarikh : .....   | Tarikh : .....  |

# **PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA SME CORP. MALAYSIA**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

### **1. KEADAAN BARANG (JIKA BERKAITAN)**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

### **2. HARGA INDIKATIF JABATAN**

- (i) Harga indikatif Jabatan ini adalah Ringgit Malaysia : Sembilan Puluh Sembilan Ribu Enam Ratus Empat Puluh Sahaja (RM99,640.00).
- (ii) Harga indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat SME Corp. Malaysia atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- (iii) SME Corp. Malaysia tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.
- (iv) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- (i) SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah, sebahagian atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

## 6. **PEMERIKSAAN**

- (i) SME Corp. Malaysia sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## 7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## 8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan / SME Corp. Malaysia segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan / SME Corp. Malaysia untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan penyebutharga memenuhi obligasi kontrak.

## 9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau SME Corp. Malaysia terlebih dahulu.

## 10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## 11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### 12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### 13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebutharga.

### 14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### 15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### 16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### 17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan / SME Corp. Malaysia adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebahagian atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Senarai Semak yang lengkap diisi;
- (b) Pematuhan spesifikasi, harga dan tandatangan Penyebutharga di **Lampiran Q, Lampiran A dan Lampiran A1**;
- (c) Borang Maklumat Penyebutharga di **Lampiran B**;
- (d) Borang Akuan *Integrity Pact* di **Lampiran C**;
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada); dan

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat di atas, Penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan / pindaan.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam **Notis Sebut Harga**;
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan; dan
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

### **3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

### **4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Cadangan tawaran Penyebutharga hendaklah sah selama Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya penyebut harga menarik balik tawaran sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**BORANG MAKLUMAT PENYEBUTHARGA**

1. NAMA SYARIKAT :
2. ALAMAT :
3. NO. TELEFON & FAKS :
4. E-MEL RASMI :
5. TARIKH DITUBUHKAN :
6. JENIS PERNIAGAAN :
7. SENARAI PENGARAH SYARIKAT: :
  - 1.
  - 2.
  - 3.
8. PEMEGANG SAHAM :  
(sila nyatakan nama pemegang saham dan status Bumiputera / Bukan Bumiputera)
  1. ( %)
  2. ( %)
  3. ( %)
9. NILAI JUALAN TAHUNAN TERKINI (ANNUAL SALES TURNOVER):  
RM \_\_\_\_\_ (tahun 20 \_\_ )
10. OBJEKTIF UTAMA PERNIAGAAN :
  - a.
  - b.
  - c.
11. PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN SSM
  - a. No. Pendaftaran :
  - b. Tarikh Ditubuhkan :



12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh Mula Pendaftaran :
- c. Tarikh Tamat Pendaftaran :
- d. Bidang Pendaftaran :

- i.
- ii.
- iii.
- iv.

13. STATUS SYARIKAT :

- a. 100% keupayaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain-lain (nyatakan)

14. STRUKTUR MODAL SYARIKAT :

- a. Dibenarkan : RM
- b. Berbayar : RM

15. BANK :

- a. Nama :
- b. No. Akaun Bank :
- c. Alamat :

16. BILANGAN KAKITANGAN :

|  | Bumiputera<br><u>Lain-lain</u> | Bukan<br><u>Bumiputera</u> |
|--|--------------------------------|----------------------------|
|--|--------------------------------|----------------------------|

- a. Pentadbiran / Pengurusan:
- b. Teknikal / Profesional:
- c. Lain-lain (nyatakan):
- d.

17. SENARAIKAN SEMUA PENGALAMAN BERKAITAN SISTEM SEUMPAMA YANG PERNAH DILAKSANAKAN (KONTRAK TELAH TAMAT) UNTUK TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (sila sertakan salinan surat lantikan / sijil / gambar yang berkaitan)

| BIL. | TAHUN | KETERANGAN | PELANGGAN<br>(KEMENTERIAN /<br>AGENSI / SYKT.) |
|------|-------|------------|--|
|      |       |            |  |
|      |       |            |  |
|      |       |            |  |
|      |       |            |  |
|      |       |            |  |

**sila lampirkan kertas tambahan jika ruang tidak mencukupi**

18. SENARAIKAN PERKHIDMATAN BERKAITAN SISTEM SEUMPAMA YANG SEDANG DILAKSANAKAN (KONTRAK MASIH BERKUATKUASA)

| BIL. | TARIKH<br>KONTRAK<br>TAMAT | KETERANGAN | PELANGGAN<br>(KEMENTERIAN /<br>AGENSI / SYKT.) |
|------|----------------------------|------------|--|
|      |                            |            |  |
|      |                            |            |  |
|      |                            |            |  |

**sila lampirkan kertas tambahan jika ruang tidak mencukupi**

19. PERAKUAN :

Saya / Kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama/Jawatan:

Cop Syarikat :

Tarikh :

**BORANG AKUAN (INTEGRITY PACT)**

**SEBUTHARGA BIL. 7/2023:**

**PERKHIDMATAN LANGGANAN SYSTEM ENDPOINT SECURITY SOFTWARE**

Saya, ..... nombor K/P..... yang mewakili ..... nombor pendaftaran ..... (MOF/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana individu dalam mana-mana Kementerian / Agensi atau mana-mana individu lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana Perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana Perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana individu dalam SME Corp. Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang / tata tertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (*Akta 694*) dan Kanun Keseksaan (*Akta 574*) serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 (*Akta 712*) atas kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya

syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (*Akta 694*) dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (*Akta 694*), apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. KP : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cap Syarikat : \_\_\_\_\_

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574)
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A(6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersil jika ada seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersil itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersil itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : \_\_\_\_\_ (tandatangan penama pada sijil pendaftaran)

Pihak Kerajaan : \_\_\_\_\_